



Razali dan isteri, Siti Aishah membantu Nuraina Syafiqah memakai alat terapi di kaki di rumah mereka di Shah Alam.

Remaja hidap cerebral palsy perlu kerusi roda berbateri

Shah Alam: Seorang pemandu teksi mengharapkan bantuan orang ramai untuk membeli kerusi roda berkuasa bateri bagi kegunaan anak sulungnya yang menghidap cerebral palsy.

Razali Shahrhan, 49, berkata ia berikutan dia berhasrat menghantar anak perempuannya itu, Nuraina Syafiqah, 19, ke pusat latihan diri, Pusat Sinar Harapan, Cheras bagi membantu remaja itu berdikari.

Kerusi lama terlalu uzur

"Saya mahu Aina pandai menguruskan diri dan belajar berdikari. Kerusi roda yang lama terlalu uzur.

"Dalam tempoh tiga bulan sebelum Aina ke pusat berkenaan, saya mahu dia belajar membiasakan diri menggunakan kerusi roda berkenaan yang dianggarkan berharga lebih RM9,000.

Harap bantuan orang ramai

"Aina kini belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 19 dan masih menggunakan kerusi roda sedia ada, tetapi memerlukan bantuan orang lain untuk mengerakkannya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Seksyen 19, di sini.

Razali berkata, keluarganya menerima bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) dalam menguruskan Nuraina Syafiqah dan kini mengharapkan bantuan orang ramai yang prihatin dengan masalah yang dihadapinya.

Sementara itu, ibu Aina, Siti Aishah berkata, anaknya sudah menunjukkan banyak perubahan selepas enam kali pembedahan mengeluarkan darah beku di kepala serta membetulkan saraf di Pusat Rawatan Alternatif di Damansara.

Katanya, Aina kini semakin pulih selepas pembedahan dan mendapatkan rawatan terapi.